
Edisi 1		Isu 1
Volume 1		Issue 1

Disember 2025
December 2025

DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TAMPIN

NOR RASIDAH BINTI ABDULLAH BINTI KHAIRUDDIN *lwn* MOHD ZAINI BIN AHAMDZIN
(NO. KES: 05007-024-0031-2022)

Nurulakmar Mohamad Hilmi

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tampin

Follow this and additional works at: <https://altaqrir.usim.edu.my>

Recommended Citation: Nor Rasidah binti Abdullah *lwn* Mohd Zaini bin Ahamdzin (NO. KES: 05007-024-0031-2022) (2025) MRS 54 AL-TAQRIR 1. Available at: <https://altaqrir.usim.edu.my/index.php/journal/article/view/14>



FACULTY OF SYARIAH AND LAW
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون



DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TAMPIN

NOR RASIDAH BINTI ABDULLAH

lwn

MOHD ZAINI BIN AHAMDZIN

NO. KES: 05007-024-0031-2022

¹Nurulakmar Mohamad Hilmi

¹Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tampin

Sinopsis

Plaintif, Nor Rasidah binti Abdullah, telah memfailkan tuntutan nafkah anak terhadap bekas suaminya, Mohd Zaini bin Ahamdzin, setelah Defendan gagal menyediakan nafkah yang mencukupi dan konsisten kepada tiga orang anak mereka yang berada di bawah jagaan Plaintif. Sejak perceraian mereka beberapa tahun lalu, tiada sebarang perintah mahkamah direkodkan berhubung nafkah anak dan sepanjang tempoh tersebut Defendan hanya memberi nafkah secara tidak tetap serta dalam jumlah yang tidak memadai untuk menampung keperluan asas anak-anak, termasuk makanan, pendidikan, perubatan dan kebajikan. Plaintif mendakwa bahawa beliau terpaksa menanggung hampir keseluruhan kos tersebut sendirian, sedangkan anak-anak memerlukan sokongan kewangan berterusan bagi perkembangan fizikal, emosi dan akademik mereka, terutama dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar. Sehubungan itu, Plaintif memohon agar Mahkamah mengeluarkan perintah nafkah anak berdasarkan keperluan semasa dan kemampuan sebenar Defendan, menetapkan jumlah nafkah bulanan yang tetap dan munasabah, serta memberikan apa-apa perintah tambahan yang wajar demi kebajikan anak-anak. Kes ini mencerminkan situasi biasa dalam masyarakat apabila ramai ibu tunggal tidak memfailkan perintah nafkah selepas perceraian, namun akhirnya terpaksa berbuat demikian apabila bekas suami gagal menunaikan tanggungjawab. Dalam menilai kes ini, Mahkamah menegaskan bahawa tanggungjawab membesarkan anak tidak boleh dipikul sepenuhnya oleh ibu semata-mata, kerana bapa tetap terikat dengan kewajipan nafkah menurut Syarak dan undang-undang, walaupun pada kadar minimum. Setelah meneliti keterangan kedua-dua pihak serta hujahan bahawa Defendan kononnya tidak berkemampuan, Mahkamah berpandangan bahawa alasan tersebut tidak menafikan tanggungjawab nafkah yang wajib dipenuhi, lalu mempertimbangkan kemampuan sebenar Defendan serta keperluan anak-anak sebelum membuat keputusan yang adil.

Pengenalan

- [1] Ini adalah kes Tuntutan Nafkah Anak yang difailkan oleh Plaintif (Nor Rasidah binti Abdullah) terhadap Defendan (Mohd Zaini bin Ahamdzin) di bawah seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Latar Belakang Fakta

- [2] Plaintif dan Defendan telah berkahwin pada 9.3.2008 di Felda Sungai Kelamah, Gemas, Negeri Sembilan. Hasil Perkahwinan tersebut, Plaintif dan Defendan telah dikurniakan tiga (3) orang cahaya mata perempuan.

- [3] Plaintiff dan Defendan telah bercerai secara persetujuan bersama dengan kebenaran Mahkamah pada 10.8.2016 di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tampin. Mahkamah telah memutuskan jatuh satu *talaq raj* 'i kali pertama, berbaki dua *talaq* ke atas Plaintiff.
- [4] Plaintiff mendakwa bahawa selepas perceraian berlaku, anak tersebut telah dijaga sepenuhnya oleh Plaintiff dan keputusan hak jagaan anak telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Seremban pada 29.9.2022. Namun begitu, tiada sebarang perintah Nafkah Anak dikeluarkan sejak pasangan ini bercerai.
- [5] Plaintiff mendakwa bahawa Defendan telah cuai melaksanakan tanggungjawab sebagai bapa dengan tidak menyediakan nafkah anak-anak yang mencukupi sejak Mac 2021, kerana gagal menyalurkan nafkah secara tetap dan hanya menghulurkan bantuan apabila diminta, dan dalam kadar yang tidak mencukupi, menyebabkan Plaintiff terpaksa menanggung beban kewangan secara bersendirian bagi memastikan kebajikan dan keperluan asas anak-anak dipenuhi, khususnya apabila mereka memasuki alam persekolahan yang memerlukan perbelanjaan tambahan. Sehubungan itu, Plaintiff telah memfailkan Tuntutan Nafkah Anak terhadap Defendan pada 25.1.2022.
- [6] Plaintiff menuntut daripada Defendan nafkah untuk seorang anak sebanyak RM700.00 sebulan, iaitu berjumlah RM2,100.00 untuk tiga orang anak. Plaintiff turut menuntut perbelanjaan tambahan untuk tiga orang anak tersebut, iaitu perbelanjaan sambutan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM250.00 seorang berjumlah RM750.00, perbelanjaan sambutan Hari Raya Aidiladha berjumlah RM250.00 seorang anak berjumlah RM750.00 serta perbelanjaan awal persekolahan berjumlah RM600.00 seorang anak berjumlah RM1,800.00.
- [7] Saman telah diserahkan kepada Defendan oleh Peguam Syarie Plaintiff melalui kaedah saman ganti secara tampalan di papan kenyataan Mahkamah Rendah Syariah Tampin, Negeri Sembilan dengan kebenaran mahkamah.
- [8] Plaintiff telah diwakili oleh Peguam Syarie, Tuan Nor Afandi bin Mohd Sohime dari Tetuan Syazwan Norasikin Hilmi & Associates, manakala Defendan pada awalnya telah diwakili oleh Peguam Syarie, Tuan Boestamam bin Ahmad dari Boestamam Ahmad & Co. Defendan telah memfailkan pembelaan pada 24.4.2022 dan Plaintiff telah memfailkan jawapan kepada pembelaan pada 13.5.2022. Pada peringkat keterangan utama Defendan, Defendan telah diwakili oleh Tuan Muhammad Syafie bin Md Said dari firma guaman yang sama iaitu Bostamam, Ahmad & Co.

Diputuskan

- [9] Setelah meneliti dan mempertimbangkan Hujah-hujah Bertulis yang dikemukakan oleh Pemohon dan Responden, MAKA KAMI dengan sebulat suara memutuskan seperti berikut.
 - 1. Mahkamah meluluskan Tuntutan Nafkah Anak berdasarkan seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
 - 2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah bulanan bagi tiga (3) orang anak seperti berikut:
 - i. NAAMZ (No. K/P: XXXXXX) sebanyak **RM450.00** sebulan;
 - ii. NFAMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM450.00** sebulan;
 - iii. NAHMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM450.00** sebulan;

Berjumlah **RM1350.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Tiga Ratus Lima Puluh sahaja)** sebulan, bermula **Ogos 2025** tanpa gagal.

 - 3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah perbelanjaan awal persekolahan bagi tiga (3) orang anak yang masih bersekolah seperti berikut:

- i. NAAMZ (No. K/P: XXXXXXX) sebanyak **RM400.00** sebulan;
- ii. NFAMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM400.00** sebulan;
- iii. NAHMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM400.00** sebulan;

Berjumlah sebanyak **RM1,200.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Dua Ratus sahaja)** setiap tahun, bermula sesi persekolahan 2026, dan hendaklah dijelaskan dua (2) minggu sebelum sesi persekolahan bermula.

4. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah anak tambahan bagi perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri bagi tiga (3) orang anak sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)** setiap seorang, berjumlah **RM600.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus sahaja)** pada setiap tahun bermula Aidilfitri tahun 2026. Bayaran tersebut hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada tarikh 15 Ramadhan setiap tahun.
5. Segala bayaran nafkah anak ini hendaklah dijelaskan oleh Defendan melalui akaun Maybank Plaintiff bernombor 105073252946, sebelum atau pada 30 haribulan setiap bulan.

Senarai Rujukan

Al-Quran

Surah at-Talaq ayat 7.

Undang-Undang

Seksyen 73. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Kes-Kes

Faridah Hanim bt Omar lwn Abd Latiff Ashaari (2006) 22 (1) JH 27-45.

Siti Aishah binti Ismail lwn Mohd Fadzil bin Abdullah (2004) 2 JH 201.

Penghakiman YA Nurulakmar Mohamad Hilmi

Isu Yang Perlu Diputuskan

- [10] Mahkamah dalam memutuskan dan membuat keputusan kes ini, isu utama yang perlu diputuskan iaitu **Sama ada jumlah tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff satu jumlah yang munasabah bagi memenuhi keperluan anak-anak tersebut**

Analisis Dan Dapatan

Isu Utama: Sama ada jumlah tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff satu jumlah yang munasabah bagi memenuhi keperluan anak-anak tersebut

- [11] Dalam kes ini, Mahkamah berpendapat bahawa isu yang menjadi persoalan ialah kadar nafkah yang sepatutnya ditanggung oleh Defendan terhadap tiga orang anak yang kini tinggal bersama Plaintiff. Anak-anak ini juga telah berumur 16,12, dan 9 tahun pada ketika ini.
- [12] Merujuk kepada seksyen 73(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003, dinyatakan dengan jelas bahawa “seorang lelaki adalah bertanggungjawab menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya”.

- [13] Mahkamah mendapati bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh Plaintiff, iaitu bagi makan minum, pendidikan, pakaian, tempat tinggal dan perubatan, adalah munasabah serta merupakan keperluan asas anak-anak tersebut berdasarkan Seksyen 73 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Perkara-perkara lain boleh juga jatuh dalam keperluan asas kanak-kanak. Namun perlu dibuktikan secukupnya bahawa perkara lain itu adalah keperluan dan bukan kehendak atau sampingan semata *Faridah Hanim lwn Abd Latiff Ashaari* (1427H).
- [14] Peruntukan ini menjelaskan bahawa status hak jagaan tidak menjejaskan kewajipan bapa untuk menanggung nafkah anak. Tanggungjawab Defendan tidak terhapus walaupun anak-anak kini berada dalam jagaan penuh Plaintiff. Kewajipan itu tetap wujud selagi anak-anak tersebut belum mampu berdikari.
- [15] Berdasarkan fakta kes, kewajipan Defendan untuk menanggung nafkah anak adalah amat jelas menurut Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang. Mahkamah tidak berhasrat untuk mengulas panjang berhubung isu kewajipan nafkah anak ke atas bapa. Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Talaq ayat 7 yang bermaksud:
- Terjemahan: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberikan nafkah dari apa yang diberikan Allah S.W.T. kepadanya (sekadar yang mampu). Allah S.W.T. tidak akan memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya.
- (Surah Al-Talaq 65:7)
- [16] Defendan adalah seorang yang bertanggung dan berkewajipan dalam menanggung nafkah anak-anak. Ini adalah kerana Defendan merupakan bapa kandung kepada anak-anak tersebut bagi menampung keperluan dan perbelanjaan dalam kehidupannya.
- [17] Dalam kes ini, fakta yang menjadi persoalan ialah berapakah kadar nafkah yang wajar bagi anak-anak tersebut. Justeru, sebagai pihak yang mendakwa, Plaintiff perlu mengemukakan bukti tentang keperluan anak-anak tersebut serta membuktikan kemampuan Defendan untuk membayar jumlah yang dituntut. Berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan, Defendan ada memberi sejumlah wang nafkah kepada anak-anak, namun ia tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar.
- [18] Plaintiff telah membuktikan keperluan semasa anak-anak yang masih kecil, bersekolah dan belum pandai berdikari buat masa kini. Defendan juga telah memberikan keterangan secara bertulis dan telah memfailkan pembelaan bagi membela dirinya berkenaan dengan kemampuan Defendan. Justeru, wajar mahkamah mempertimbangkan tuntutan nafkah anak berdasarkan keperluan semasa anak-anak dan mengambil kira kemampuan juga komitmen bulanan Defendan. Pertimbangan mahkamah adalah mengambil kira keperluan yang benar-benar asas atau dharuriyyat terlebih dahulu bagi menjamin kelangsungan hidup serta kebajikan anak-anak ini terus terpelihara.
- [19] Dalam mempertimbangkan jumlah tuntutan nafkah anak ini, mahkamah meneliti dokumen resit-resit pembelian keperluan harian anak-anak. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Plaintiff dapat dilihat dengan jelas berdasarkan resit-resit sepertimana yang telah diperincikan dalam keterangan Plaintiff dan penghujahan bertulis Peguam Plaintiff. Begitu juga, dalam mempertimbangkan kemampuan Defendan, Mahkamah memerlukan dokumen pembuktian, termasuk resit-resit perbelanjaan serta komitmen bulanan Defendan.

- [20] Tuntutan Plaintiff adalah sebanyak RM700.00 sebulan bagi setiap seorang anak berjumlah RM2,100.00 sebulan bagi tiga orang anak yang meliputi kos makan minum sebanyak RM300.00, kos sekolah, pendidikan dan pengangkutan yang dianggarkan oleh Plaintiff sekitar RM200.00 hingga RM250.00 sebulan, serta perbelanjaan lain seperti pakaian, tuisyen, rekreasi dan bil bulanan berjumlah RM150.00.
- [21] Mahkamah telah meneliti Ekshibit P22 sehingga P44 yang telah diterima sebagai keterangan, yang menunjukkan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Plaintiff bagi tujuan persekolahan, makan minum, pakaian, pengangkutan, perubatan anak-anak dan bil bulanan.
- [22] Berikut adalah ulasan dan dapatan Mahkamah bagi tuntutan kes Plaintiff dalam bentuk jadual.

Jadual 1. Ulasan Mahkamah bagi Perbelanjaan Anak (Bulanan)

Perkara	Tuntutan Plaintiff	Ulasan Mahkamah	Jumlah Taksiran
Nafkah Bulanan RM700.00	Makan Minum RM300.00 bagi 30 hari RM200.00 bagi 20 hari perbelajaan harian persekolahan	1. Keperluan. 2. Jumlah yang diluluskan mengambil kira perubahan masa dan anak-anak yang mula membesar. Anak-anak juga mendapat bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah.	RM200.00
	Pengangkutan, perubatan, pendidikan dan yuran persekolahan RM200.00-RM250.00	Jumlah juga termasuk 1. Keperluan 2. Jumlah yang diluluskan mengambil kira pengurusan harian anak-anak serta yuran bulanan bagi pendidikan anak-anak yang masih ditanggung oleh Plaintiff. 3. Perubatan adalah keperluan. Plaintiff telah mengemukakan bukti bahawa anak-anak ada membeli vitamin dan ubat-ubatan. 4. Yuran tadika tidak lagi menjadi keperluan kerana anak-anak telah pun memasuki alam persekolahan di sekolah rendah dan menengah 5. Yuran KAFA hanya menjadi keperluan bagi anak yang ketiga kerana masih meneruskan pembelajaran di KAFA dan ia merupakan satu bentuk pendidikan.	RM150.00
	Pakaian, keperluan peribadi, tuisyen, yuran dan bil telefon RM150.00 - RM200.00	1. Pakaian keperluan. 2. Jumlah yang diluluskan juga meliputi alat-alat kebersihan diri anak-anak. 3. Bil telefon adalah bukan keperluan. Plaintiff sebagai penjaga mestilah menggunakan kebijaksanaan dan kreativiti agar pendidikan kepada anak-anak disediakan dalam kos yang memadai dan optimum. 4. Tuisyen bukanlah keperluan tetapi mahkamah boleh mempertimbangkan kerana ini adalah satu inisiatif Plaintiff sebagai penjaga bagi memastikan anak-anak mempunyai nilai tambah pada zaman yang penuh cabaran pada masa kini. 5. Plaintiff sebagai penjaga mestilah menggunakan kebijaksanaan dan kreativiti agar kos yang dibelanjakan tidak berlebihan dan optimum.	RM100.00

Jadual 2. Ulasan Mahkamah bagi Perbelanjaan Anak (Tahunan)

Perkara	Tuntutan Plaintiff	Ulasan Mahkamah	Jumlah Taksiran
Nafkah Perayaan Aidilfitri RM250.00	Kos pakaian anak-anak dan kelengkapan Perayaan Aidilfitri RM250.00 – Kos bagi seorang anak	- Keperluan - Jumlah yang diluluskan mengambil kira keperluan anak-anak menjelang perayaan dan perbelanjaan adalah setahun sekali yang merangkumi kelengkapan bagi anak perempuan berdasarkan bukti resit-resit yang dikemukakan di mahkamah ini. Mahkamah merekodkan persetujuan Plaintiff	RM200.00
Nafkah Perayaan Aidiladha RM250.00	Plaintif telah menarik balik tuntutan nafkah perayaan Aidiladha pada keterangan Plaintiff semasa soal balas Peguam Defendan dan soal semula oleh Peguam Plaintiff pada 7.12.2022.		
Nafkah Perbelanjaan Awal Persekolahan	Baju sekolah, peralatan sekolah, yuran, buku, dan yuran PIBG RM600.00 – bagi seorang anak	- Keperluan - Jumlah yang diluluskan adalah meliputi dari aspek keperluan pendidikan anak-anak berdasarkan bukti resit-resit yang dikemukakan di mahkamah ini	RM400.00

- [23] Mahkamah mendapati jumlah keseluruhan yang dituntut oleh Plaintiff iaitu sebanyak RM700.00 sebulan adalah jumlah yang berpatutan dan berdasarkan keperluan anak-anak yang sedang meningkat besar. Walau bagaimanapun, Mahkamah wajar mempertimbangkan tahap kemampuan Defendan.
- [24] Istilah ‘tidak mencukupi’ sebagaimana dakwaan Plaintiff telah dibuktikan melalui resit-resit perbelanjaan. Dalam kes ini Plaintiff telah mengemukakan dua (2) orang saksi bagi menyokong tuntutan nafkah anak ini iaitu saksi pertama Mohd Irham bin Mohd Ihsan (selepas ini disebut sebagai SP1), dan saksi kedua Haslinda Nor binti Ramli (selepas ini disebut sebagai SP2). Kedua-dua saksi telah mengemukakan keterangan secara bertulis dan mengesahkan keterangan bertulis tersebut pada 7.12.2022.
- [25] Keterangan kedua-dua orang saksi tersebut telah disoal balas oleh Peguam Syarie Defendan dan turut disoal semula oleh Peguam Syarie Plaintiff. Keterangan Defendan juga telah dikemukakan secara bertulis dan telah disahkan pada 31.1.2024. Keterangan Defendan tersebut telah disoal balas oleh Peguam Syarie Plaintiff dan disoal semula oleh Peguam Syarie Defendan. Walau bagaimanapun, Defendan tidak mengemukakan saksi-saksi bagi menyokong keterangan Defendan di Mahkamah ini.

- [26] Defendan di dalam keterangan telah menyatakan liabiliti-liabiliti yang ditanggungnya yang meliputi kereta, rumah sewa, bil-bil utiliti keluarga seperti bil Maxis, TNB, bil air, hutang bank, dan tanggungan perbelanjaan bulanan serta harian terhadap keluarga baru iaitu isteri dan seorang anak. Defendan menyatakan lagi bahawa Defendan bekerja sendiri menjalankan perniagaan stesen minyak Tahap Yakin Resource iaitu perniagaan secara perkongsian bersama adik Defendan. Keuntungan perniagaan tersebut digunakan untuk membayar gaji pekerja-pekerja, membayar bil-bil utiliti syarikat seperti rumah sewa pekerja, bil Maxis Syarikat bil air dan bil TNB dan pelbagai perbelanjaan lain bagi tujuan menjalankan perniagaan tersebut. Perniagaan tersebut telah terjejas dan mengalami kerugian berikutan pandemik covid yang melanda negara dan perkhidmatan sebagai wakil penjual dan bekalan runcit NGV juga telah ditamatkan kontrak pada 31.12.2024.
- [27] Peguam Syarie Defendan menyatakan pendapatan Defendan hanya sekadar cukup makan luntuk membolehkan Defendan meneruskan kelangsungan hidup bersama keluarga baru Defendan. Sekiranya Mahkamah mengambil pendekatan utama terhadap tanggungan-tanggungan Defendan, maka Defendan tidak lagi boleh memenuhi keperluan anak-anak mereka di bawah jagaan Plaintiff. Justeru Defendan akan dilepaskan daripada tanggungjawab menafkahi anak-anak ini.
- [28] Adalah menjadi prinsip umum bahawa sebarang ketidakmampuan perlu dibuktikan secara jelas, termasuk penyata pendapatan, tanggungan, atau status kesihatan. Dalam kes ini, Defendan gagal mengemukakan bukti kukuh bahawa beliau langsung tidak mempunyai keupayaan untuk menyumbang kepada nafkah anak, sama ada secara tetap atau berkala.
- [29] Mahkamah menyimpulkan bahawa kemampuan bapa selaku Defendan adalah “*paramount consideration*” dalam menentukan jumlah nafkah anak, berbanding dengan keperluan anak-anak tersebut yang ditanggung oleh Plaintiff dan jumlah nafkah yang dikehendaki adalah ma`ruf iaitu mencukupi dan memadai.
- [30] Kemampuan seorang bapa bukan setakat dilihat pada sumber kewangan dan liabiliti semasa sahaja, bahkan juga dinilai daripada aspek peluang untuk meningkatkan keupayaan diri sendiri. Seorang bapa yang tidak mampu tetapi mempunyai potensi untuk meningkatkan keupayaan diri sendiri tidak seharusnya berpeluk tubuh, sebaliknya hendaklah berusaha lebih gigih untuk memenuhi keperluan anak-anak yang telah menjadi amanah dan tanggungjawabnya. Selagi tubuh badan sihat, anggota badan sempurna, dan masih berupaya bergerak ke sana ke sini, maka alasan ketidakmampuan tidaklah boleh diterima. Oleh itu, hujahan bahawa jumlah keseluruhan tuntutan nafkah anak oleh Plaintiff dibangkitkan dengan niat menganiaya Defendan adalah tidak berasas.
- [31] Mahkamah juga menegaskan bahawa beban membesarkan anak tidak seharusnya dipikul sepenuhnya oleh ibu, sedangkan bapa masih mempunyai kudrat dan potensi menjana pendapatan. Maka, mahkamah berpandangan bahawa Defendan masih tertakluk kepada tanggungjawab nafkah, walaupun pada kadar minimum.
- [32] Menurut Seksyen 73(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, adalah menjadi kewajipan seorang bapa untuk memberikan nafkah kepada anaknya mengikut kemampuannya. Kemampuan, dalam konteks ini, tidak ditafsirkan secara sempit, iaitu tidak bermaksud hanya mereka yang berpendapatan tetap sahaja yang diwajibkan memberi nafkah.
- [33] Definisi “kemampuan” dalam Seksyen 73 juga tidaklah hanya merangkumi pendapatan dan harta yang dimiliki secara zahir, bahkan turut membawa maksud kemampuan untuk memperoleh wang (*potential earning capacity*). Oleh itu, seorang bapa yang kompeten, sihat (*fit*) serta berpendidikan bolehlah dikatakan mempunyai kemampuan.
- [34] Anak-anak yang tidak berkecukupan tidak mempunyai alternatif lain untuk mencukupkan diri mereka, berbeza dengan seorang bapa yang tidak berkemampuan. Seorang bapa yang tidak berkemampuan masih mempunyai alternatif lain untuk meningkatkan keupayaan dirinya sendiri. Demikianlah halnya dengan Defendan dalam kes ini. Mahkamah juga mendapati Defendan tidak

termasuk dalam kategori miskin. Defendan juga seorang yang berkeupayaan mencari rezeki dan mampu memperoleh dan menjalankan pekerjaan yang baik.

- [35] Defendan menyatakan dalam keterangannya bahawa Defendan mempunyai tanggungan terhadap keluarga baharu dan perbelanjaan keperluan bagi seorang anak hasil daripada perkahwinan baharu. Namun demikian, anak-anak Defendan hasil perkahwinan dengan Plaintiff juga adalah tanggungjawab Defendan. Anak-anak daripada perkahwinan yang terdahulu berpotensi diketepikan dan tercicir dalam memenuhi keperluan mereka kerana tidak berada di bawah jagaan langsung bapa. Sebaliknya, anak daripada perkahwinan baharu lebih berpotensi mendapat kelebihan dan menjadi kesayangan utama dalam keluarga. Justeru, Mahkamah tidak boleh membiarkan berlaku ketidakadilan kepada anak-anak ini.
- [36] Mahkamah merujuk kepada kes *Siti Aishah binti Ismail lwn Mohd Fadzil bin Abdullah* (2004), di mana Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan bahawa “Ketidakmampuan seseorang bapa bukanlah alasan mutlak untuk tidak memberi nafkah, bahkan mahkamah boleh memerintahkan kadar yang bersesuaian dengan keadaan kewangan semasa.”
- [37] Mahkamah mendapati bahawa jumlah yang ditaksirkan adalah jumlah dalam kemampuan Defendan, atau sekurang-kurangnya jumlah yang boleh dan mesti diusahakan oleh Defendan dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Jumlah ini tidak akan menjadikan anak-anak tersebut kaya raya, dan tidak menjadikan Defendan papa kedana. Defendan hendaklah bijaksana dalam menguruskan kewangan, melakukan audit sendiri serta kewangan, dan seterusnya membuat penyesuaian (*adjustment*) yang perlu agar kewajipan utama terhadap anak-anak dan keluarga dapat diutamakan.
- [38] Bagi perbelanjaan perayaan Aidilfitri pula, Mahkamah berpendapat bahawa Defendan perlu menyediakan keperluan anak-anak tersebut pada setiap tahun. Sekiranya tidak mampu menyediakan pakaian berpasang-pasang, sekurang-kurangnya pakaian anak hendaklah berganti setiap tahun. Pakaian tersebut termasuklah baju kurung, tudung, pakaian kasual dan kasut.
- [39] Manakala bagi persiapan awal persekolahan, pada masa kini tiga orang anak masih bersekolah. Perbelanjaan awal persekolahan termasuklah pakaian sekolah, pakaian sukan, pakaian kokurikulum, beg sekolah, kasut, bayaran buku latihan, alat tulis, yuran tahunan sekolah dan yuran PIBG yang merupakan keperluan wajib yang perlu disediakan pada setiap tahun.
- [40] Selain itu, semua persiapan anak ini hendaklah mengambil kira serta bersesuaian dengan taraf hidup kedua ibu bapa mereka, yang masing-masing bekerja sendiri. Pekerjaan dan pendapatan terkini Defendan hendaklah dibuktikan. Adalah sukar bagi Mahkamah untuk mempertimbangkan kemampuan Defendan sekiranya perkara tersebut adalah sangkaan semata-mata.
- [41] Mahkamah berpuashati bahawa keterangan Plaintiff bersama keterangan saksinya adalah konsisten, dan Mahkamah juga berpuashati bahawa keterangan yang diberikan oleh Defendan adalah bagi menunjukkan kemampuan seorang bapa dalam membayar nafkah anak.

Diputuskan

- [42] Setelah meneliti dan mempertimbangkan Hujah-hujah Bertulis yang dikemukakan oleh Pemohon dan Responden, MAKA KAMI dengan sebulat suara memutuskan seperti berikut.
1. Mahkamah meluluskan Tuntutan Nafkah Anak berdasarkan seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
 2. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah bulanan bagi tiga (3) orang anak seperti berikut:

- i. NAAMZ (No. K/P: XXXXXX) sebanyak **RM450.00** sebulan;
- ii. NFAMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM450.00** sebulan;
- iii. NAHMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM450.00** sebulan;

Berjumlah **RM1350.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Tiga Ratus Lima Puluh sahaja)** sebulan, bermula **Ogos 2025** tanpa gagal.

3. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah perbelanjaan awal persekolahan bagi tiga (3) orang anak yang masih bersekolah seperti berikut:
 - i. NAAMZ (No. K/P: XXXXXXXX) sebanyak **RM400.00** sebulan;
 - ii. NFAMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM400.00** sebulan;
 - iii. NAHMZ (No. MyKid: XXXXXX) sebanyak **RM400.00** sebulan;

Berjumlah sebanyak **RM1,200.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Dua Ratus sahaja)** setiap tahun, bermula sesi persekolahan 2026, dan hendaklah dijelaskan dua (2) minggu sebelum sesi persekolahan bermula.

4. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah anak tambahan bagi perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri bagi tiga (3) orang anak sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)** setiap seorang, berjumlah **RM600.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ratus sahaja)** pada setiap tahun bermula Aidilfitri tahun 2026. Bayaran tersebut hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada tarikh 15 Ramadhan setiap tahun.
5. Segala bayaran nafkah anak ini hendaklah dijelaskan oleh Defendan melalui akaun Maybank Plaintiff bernombor 105073252946, sebelum atau pada 30 haribulan setiap bulan.

Hakim

Alasan Penghakiman ini telah disediakan oleh **Puan Nurulakmar Binti Mohamad Hilmi**, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh

25 Ogos 2025.

Peguam Syarie

Plaintif telah diwakili oleh Peguam Syarie Tuan Nor Afandi bin Mohd Sohime dari Tetuan Syazwan Norasikin Hilmi & Associates. Manakala Defendan telah diwakili oleh Peguam Syarie Tuan Boestamam bin Ahmad dan Tuan Muhammad Syafie bin Md Said dari Bostamam Ahmad & Co.